

BILANGAN SEBUTHARGA: JKN/BPEA/SH/A/2025-2026(7)

SEBUTHARGA BAGI:

**KERJA-KERJA PEMELIHARAAN DAN PENAIKTARAFAN TANDAS
DI BANGUNAN MAHKAMAH BESAR BRUNEI DAN MAHKAMAH-
MAHKAMAH SYARIAH,
BANDAR SERI BEGAWAN.**

Peraturan Dan Keperluan:

1. Sebut harga ini dibukakan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai **Sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah** di Negara Brunei Darussalam.
2. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak Akan terikat untuk menerima sebutharga yang termurah atau mana-mana sebutharga yang tidak berpatutan.
3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhak untuk membatalkan atau mengubah jumlah skop sebutharga yang dibukakan.
4. Sebutharga ini akan ditutup pada hari **8 Julai 2025** Sebelum **jam 2.00 petang** dan mana-mana sebutharga yang dihadapkan lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira tidak sah.
5. Syarikat-syarikat yang ikut serta dalam sebutharga ini hendaklah menyertakan bersama :-
 - A. **Salinan Sijil Pendaftar Syarikat, Profil Syarikat dan alamat Persuratan yang betul dan sah serta nombor talian talipon dan fax.**
 - B. **Salinan Pendaftaran Kontraktor – Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (ABCI)**
 - C. **Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Certificate of Tax Compliance) terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.**
6. Sebutharga bersama pecahannya yang dihadapkan oleh Syarikat-Syarikat berkenaan hendaklah dinyatakan dengan jelas dan teratur iaitu dalam kadar matawang **Ringgit Brunei (B\$)**.
7. Syarikat yang ikut serta dalam sebutharga ini di kehendaki untuk mengisikan **Borang Pengakuan Integriti (Integrity Declaration Form)** yang menyatakan tiada ikatan dengan mana-mana Syarikat yang ikut serta dalam sebutharga ini.

8. Syarikat-syarikat yang ikut serta adalah terikat dengan jumlah nilai sebutharga bersama pecahannya (per item) yang telah dihadapkan dan nilai tersebut tidak boleh diubah oleh Syarikat berkenaan tanpa persuratan rasmi yang sah.
9. Syarikat-Syarikat adalah **dimestikan** untuk menghadiri **Sesi Penerangan (Information Session)** bagi sebutharga berkenaan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh Jabatan ini bagi mendengar penerangan lanjut yang disampaikan oleh pihak Bahagian Perkhidmatan Estet dan Aset Jabatan Kehakiman Negara. **Kegagalan** untuk menghadiri sesi penerangan akan menyebabkan **pembatalan secara automatik** bagi sebutharga yang dihadapkan.
10. Syarikat yang telah dilantik dan diataskan bagi melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan sebutharga berkenaan adalah dengan serta merta terikat kontrak dengan pihak kerajaan selama tempoh kontrak perkhidmatan yang telah ditetapkan dan jika sekiranya Syarikat yang telah dilantik tidak berkesanggupan untuk meneruskan perkhidmatan kontrak selama tempoh yang diberikan dan hendak mengundur diri atas sebab-sebab alasan yang tidak munasabah, maka Jabatan ini tidak teragak-agak untuk membuat teguran secara betulis **Senarai Hitam (Blacklist)** kepada Syarikat berkenaan atas kegagalan tidak mematuhi peraturan mahu pun piawaian yang telah ditetapkan oleh kerajaan.
11. **Tempoh sahlaku** sebut harga yang perlu diberikan oleh Syarikat-syarikat yang ikut ialah tidak kurang dari **9 Bulan**.
12. Skop kerja berkenaan yang telah dicadangkan dan telah diatur tempat-tempat sebutharganya oleh pihak Syarikat-Syarikat hendaklah menepati skop dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam sebutharga dan mana-mana alternatif dan perubahan pada spesifikasi yang dicadangkan oleh syarikat-syarikat hendaklah dinyatakan dengan jelas dan teratur di dalam sebutharga yang dihadapkan.
13. Alat-alat barang yang dicadangkan yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat berkenaan hendaklah sekurang-kurangnya menepati skop dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam sebutharga dan mana-mana alternatif dan perubahan pada spesifikasi yang dicadangkan oleh syarikat-syarikat hendaklah dinyatakan dengan jelas dan teratur didalam sebutharga yang dihadapkan.
14. Syarikat yang berjaya adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan ke semua skop kerja dalam tempoh **7 hari** iaitu dari tarikh surat pengesahan penerimaan sebutharga dikeluarkan oleh pihak Kerajaan.
15. Bagi menjamin pelaksanaan kerja setiap pekerja hendaklah memiliki Permit Kerja (bagi pekerja yang datang dari luar Negara) dan dilindungi oleh insuran.

16. Kerajaan berhak menegur, membantah dan mengarahkan kontraktor untuk menukar / membuang pekerja yang didapati berkelakuan tidak sopan atau pada pendapat Kerajaan tidak layak atau cuai dalam melaksanakan tugas kerja mereka. Setiap pekerja Kontraktor yang ditukar atau diberhentikan hendaklah diganti serta-merta dengan pekerja berkelakuan tertakluk kepada kebenaran Kerajaan.

17. Kontraktor hendaklah memastikan yang semua pekerja kontraktor sentiasa kemas dan berpakaian seragam. Pakaian seragam pekerja kontraktor hendaklah dibubuhkan dengan nama Syarikat pada pakaian tersebut.

18. Peralatan-Peralatan, Kelengkapan dan Perkakas,

- a. Kontraktor hendaklah membekalkan semua peralatan yang diperlukan dan bersesuaian dengan skop kerja yang efektif dan diluluskan oleh kerajaan.

19. Elektrik Dan Air (Jika Perlu)

- a. Elektrik dan air yang diperlukan untuk kerja-kerja pembaikan disediakan secara percuma oleh Kerajaan. Kontraktor hendaklah berusaha untuk mengelakkan penyalahgunaan dan pembaziran keistimewaan ini dengan menjimatkan penggunaan elektrik dan air bagi keperluan-keperluan yang tertentu sahaja sepertimana dalam skopkerja sebutharga dengan memastikan semua peraturan-peraturan hendaklah dipatuhi oleh pekerja-pekerja berkenaan sepanjang tempoh pelaksanaan diberikan.
- b. Penyambungan ke soket elektrik (Electric Socket) hendaklah dibuat menurut peraturan-peraturan dan langkah-langkah keselamatan yang sedang berkuatkuasa. Apa-apa kerosakan ke atas pendawaian dan pemasangan-pemasangan elektrik pada bangunan ini akibat dari **kecuaiian / kesalahan** pekerja kontraktor sewaktu dalam pelaksanaan akan dipertanggungjawabkan ke atas kontraktor berkenaan.
- c. Pemakaian air melalui penyambungan sementara oleh pihak kontraktor hendaklah memastikan peralatan yang digunakan seperti hos hendaklah dalam keadaan baik dan tidak bucor dan juga peralatan-peralatan yang lain.

20. Keselamatan

- a. Atas sebab-sebab keselamatan, kontraktor hendaklah mendaftar pekerja-pekerja pada setiap masa kepada Kerajaan seperti berikut:

- i. **Nama**
- ii. **Alamat**
- iii. **Nombor Kad Pengenalan**
- iv. **Kerakyatan**
- v. **Jantina dan Umur**

21. Atas Kepentingan keselamatan, Kerajaan berhak untuk mengarahkan pekerja kontraktor yang berkenaan untuk diberhentikan untuk melakukan kerja tersebut atas sebab-sebab tertentu sebagai tidak layak atau tidak sesuai untuk diambil bekerja di dalam atau luar bangunan atau kawasan bangunan.
22. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk mengambil segala langkah-langkah keselamatan bagi menghindari bahaya terhadap pekerja-pekerja, kakitangan kerajaan, orang awam dan harta benda yang berada di dalam dan luar bangunan Kerajaan.
23. Papan-papan tanda amaran dan alat-alat penghadang (pagar, papan tanda amaran dan sebagainya) hendaklah dipasang semasa melaksanakan kerja-kerja yang boleh mendatangkan bahaya kepada keselamatan kakitangan kerajaan yang bekerja dan juga orang awam yang berada di bangunan kerajaan. Papan-papan tanda amaran dan penghadang yang digunakan hendaklah pada ukuran yang bersesuaian bagi menarik perhatian orang ramai dan kakitangan kerajaan dan hendaklah mengandungi perkataan seperti **"Bahaya"**, **"Jangan Dekat"**, **"Awas!"**, **"Kerja Sedang Dilaksanakan"** dan sebagainya menurut kesesuaian untuk kerja-kerja yang sedang dilaksanakan.
24. Peraturan dan keperluan yang disebutkan diatas adalah dijaga dan dilindungi oleh Undang-Undang Negara Brunei Darussalam (Laws of Brunei).